



GARIS PANDUAN PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM INTENSIF BAHASA INGGERIS

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

SESI 3/2021 PENGAMBILAN OGOS

TATACARA SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN DAN RAYUAN

1. Semakan keputusan permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di Portal UPIM <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/> mulai **03 Ogos 2021 (Selasa) selepas jam 3:00 petang**.
2. Pemohon perlu **masukkan nombor kad pengenalan (format: tanpa '-')** di ruangan yang disediakan.
3. Jika keputusan adalah **LAYAK** dan pemohon bersetuju untuk menerima tawaran ini, pemohon perlu:
 - a. membaca maklumat tawaran dengan teliti,
 - b. membuat bayaran **YURAN PENDAFTARAN** berjumlah **RM75.00** secara dalam talian (*online*) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik **MARAEps** di <https://bayar.maraeps.my>,
 - c. Selepas **PEMBAYARAN** dibuat, **WAJIB LAYARI SEMULA Portal UPIM** di <http://apponline.mara.gov.my/upimonline> untuk **PENGESAHAN SETUJU TERIMA TAWARAN**, pemohon dikehendaki:
 - (i). Klik butang **KLIK DI SINI JIKA TELAH CETAK SLIP TAWARAN DAN BAYARAN SETUJU TERIMA TELAH DIBUAT**,
 - (ii). Klik butang **SETUJU TERIMA TAWARAN**,
 - (iii). Masukkan **NOMBOR TRANSAKSI ID** di ruangan yang disediakan,
 - (iv). Klik butang **HANTAR**,
 - (v). Klik butang **CETAK SURAT TAWARAN**,
 - (vi). Klik butang **MUAT TURUN** untuk dapatkan salinan **SURAT TAWARAN & SENARAI CHECKLIST/DOKUMEN**. Wajib **CETAK** kedua-dua dokumen tersebut. Sila **BACA & FAHAMKAN** butiran yang tertera di dalam **BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR**.
4. Sekiranya keputusan permohonan pemohon didapati **TIDAK LAYAK**, pemohon boleh membuat **RAYUAN** permohonan secara dalam talian (*online*). Keputusan **RAYUAN** akan dikeluarkan dari semasa ke semasa sebelum sesi pendaftaran, bergantung kepada kelayakan dan kekosongan penempatan.
5. Tawaran adalah **TERBATAL** jika pemohon gagal untuk membuat bayaran yuran pendaftaran dan pengesahan setuju terima pada tarikh yang telah ditetapkan

TATACARA PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KPM

1. Selepas bayaran Yuran Pendaftaran dibuat, pelajar **wajib** membuat **pengesahan setuju terima tawaran melalui Sistem Semakan Keputusan Permohonan UPIM** di pautan <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/> dengan:
 - a. memasukkan nombor rujukan transaksi atau nombor resit bayaran Yuran Pendaftaran tersebut;
 - b. muat turun, mengisi dan melengkapkan dokumen pendaftaran seperti yang dinyatakan di bawah untuk **diserahkan kepada pihak kolej secara serahan pos berdaftar**:
 - i. Panduan Pendaftaran Pelajar (Registration Booklet) – 1 set salinan asal
 - ii. Dokumen Perjanjian – 3 set salinan asal
 - iii. Surat Tawaran Pengajian – 1 set Salinan asal
 - c. Pelajar juga perlu membuat **satu (1) salinan fotokopi yang telah disahkan** bagi setiap dokumen seperti di bawah untuk **diserahkan kepada pihak kolej secara serahan pos berdaftar**:
 - i. Sijil SPM / SPMV / STPM / STAM / Sijil Kemahiran.
 - ii. Sijil Kelahiran / Sijil Anak Angkat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
 - iii. Sijil Kelahiran / Sijil Kematian / Sijil Perceraian Ibumama / Penjaga yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

PERHATIAN:

[Pelajar **TIDAK** akan dibenarkan mendaftar jika tiada **DOKUMEN ASAL DAN SALINAN FOTOKOPI YANG TELAH *DISAHKAN** (Pengesahan adalah daripada Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan A) / Pengetua / Guru Besar / Guru Penolong Kanan / Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Ketua Kaum / Ketua Anak Negeri / Kapitan / Pemanca / Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)).]


2. Pelajar **wajib** melaksanakan **pendaftaran dalam talian** seperti yang dinyatakan di dalam jadual di **Lampiran A** dan melalui **proses-proses** seperti berikut:
 - a. muat naik 1 salinan dalam format (.pdf) dokumen di ****Perkara (1)(b)(i)** dan dokumen di ****Perkara (1)(b)(ii)** [****NOTA: Bukan perkara mandatori untuk dimuat naik ke dalam Borang Pendaftaran Dalam Talian sekiranya belum diisi dengan lengkap**]
 - b. muat naik salinan Sijil Kelahiran / Sijil Anak Angkat Pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dalam format (.pdf)
 - c. muat naik salinan Slip / Sijil SPM / SPMV / STPM / STAM / Sijil Kemahiran Pelajar dalam format (.pdf)
 - d. muat naik salinan Slip/Resit Bayaran Yuran Pendaftaran (RM75.00) dalam format (.pdf)
 - e. mengesahkan pendaftaran/lapor diri;

3. Pelajar kemudian perlu menyerahkan salinan asal kesemua dokumen di Perkara (1)(b)(i) dan **dokumen di Perkara (1)(b)(ii) kepada pihak kolej secara pos berdaftar di alamat** seperti dinyatakan dalam jadual di bawah. Pelajar diminta untuk melaksanakan urusan pos berdaftar **sebelum atau pada 23 September 2021.**
4. Berpandukan **pembelajaran bagi Sesi 3/2021** seperti jadual di bawah, akhir sekali, pelajar baharu perlu mendapatkan maklum balas berkaitan **jadual kelas** daripada pihak kolej dari semasa ke semasa **sebelum atau pada 22 Ogos 2021:**

Kolej Profesional MARA (KPM)	Sesi Pembelajaran Dalam Talian
Bandar Penawar Indera Mahkota	23 Ogos 2021

Nota: Tertakluk kepada perubahan

LAMPIRAN A: PENDAFTARAN DALAM TALIAN PELAJAR BAHARU PROGRAM INTENSIF BAHASA INGGERIS KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) SESI 3/2021 PENGAMBILAN OGOS

Kolej Profesional MARA (KPM)	Program / Pendaftaran Dalam Talian	Kod QR Pendaftaran Dalam Talian	Tarikh Pendaftaran Dalam Talian
Bandar Penawar	Program Intensif Bahasa Inggeris http://bpenawar.kpm.edu.my/newreg		Buka: 03 Ogos 2021 Tutup: 22 Ogos 2021
Indera Mahkota	Program Intensif Bahasa Inggeris https://bit.ly/regIEPkmim		Buka: 03 Ogos 2021 Tutup: 22 Ogos 2021

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi talian seperti berikut:-

Unit Pengambilan, Bahagian Pendidikan Tinggi MARA,
Tingkat 12, Bangunan Ibu Pejabat MARA,
Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur.

Telefon : 03-26134074 / 03-26134075 / 03-26134076 / 03-26134077 / 03-26134081
Email : upim.bpt@mara.gov.my
Facebook : Hi-Edu MARA - Kolej Profesional MARA
Twitter : Hi Edu MARA
Telegram : Hi Edu MARA
Instagram : Hi Edu MARA
Portal UPIM : <http://apponline.mara.gov.my/upimonline/>
WhatsApp : +6011-58521184

WAKTU URUSAN		
HARI	Isnin hingga Khamis	Jumaat
MASA	9:00 pagi – 1:00 tengah hari	9:00 pagi – 12:15 tengah hari
REHAT	1:00 tengah hari – 2:00 petang	12:15 tengah hari – 2:45 petang
MASA	2:00 petang – 4:30 petang	2:45 petang – 4:30 petang
TUTUP PADA SABTU, AHAD DAN CUTI KELEPASAN AM		